

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAH HAIWAN TERNAKAN
DAN HAIWAN MERAYAU
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kerian) 2012.**

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“haiwan” termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing biri-biri, kambing, babi, arnab, gajah dan binatang ternakan yang lain termasuk ikan, ayam, itik, ayam turki, angsa dan burung/unggas atau haiwan yang dipelihara bagi tujuan komersial, tidak kira sama ada hasil komersial tersebut adalah haiwan tersebut ataupun komoditi yang dihasilkan oleh haiwan tersebut;

“kandang haiwan” ertinya suatu bangunan atau struktur yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan bagi maksud menternak haiwan;

“Majlis” ertinya Majlis Majlis Daerah Kerian.

“Pegawai Yang Diberi Kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua bagi maksud menjalankan tugas-tugas di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pemunya” ertinya tuan punya haiwan, orang yang menternak haiwan atau orang yang mempunyai kawalan atau jagaan ke atas haiwan;

“premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau undang-undang lain, dan hendaklah termasuk tanah yang bersangkutan dengannya;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Daerah Kerian; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian.

Lesen memelihara haiwan

3. (1) Tiada tempat di dalam kawasan Majlis boleh digunakan oleh seseorang bagi maksud memelihara haiwan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-Undang Kecil ini melainkan pengecualian diperolehi terlebih dahulu daripada Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh melesenkan sesuatu tempat di dalam Majlis bagi maksud penternakan haiwan dan lesen itu hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh ditetapkan atau dikenakan di dalamnya. Lesen hendaklah seperti dalam Borang 2 Jadual Pertama.

Fi lesen

4. Fi bagi lesen yang diberi di bawah peruntukan perenggan 3(2) hendaklah mengikut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dengan syarat bahawa fi yang dibayar bagi lesen tidak boleh dibayar balik apabila sesuatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

Lesen hendaklah dipamerkan

5. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesennya pada tempat yang mudah dilihat dalam premis berlesennya itu yang mana hendaklah bebas dimasuki pada setiap masa yang munasabah oleh Yang Dipertua atau Pegawai Yang Diberi Kuasa untuk tujuan pemeriksaan.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi peruntukan ini tanpa sebab yang munasabah hendaklah, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit (RM500.00) atau penjara tidak melebihi satu (1) bulan atau kedua-duanya sekali.

Kehendak-kehendak lesen

6. (1) Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen untuk menggunakan mana-mana tempat sebagai suatu kandang haiwan hendaklah dibuat seperti dalam Borang 1 Jadual Pertama dan hendaklah menyatakan jenis dan bilangan haiwan yang bakal dipelihara di dalamnya dan hendaklah juga disertakan dengan sebuah pelan yang menunjukkan tapak binaan dan keluasan tanah yang bersangkutan dengannya.

(2) Setiap premis yang hendak digunakan sebagai premis berlesen hendaklah terlebih dahulu mematuhi kehendak undang-undang yang ditetapkan untuk pemajuan dan pembangunan di dalam kawasan Majlis dan mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

Kandungan lesen

7. (1) Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah menyatakan nama pemegang lesen, nombor kad pengenalan pelesen, tempat terletaknya premis, alamat berdaftar dan alamat surat menyurat dan bilangan haiwan yang dibenarkan dipelihara dalam kandang haiwan itu. Jika pelesen ialah sebuah syarikat, maka nama syarikat seperti dalam rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan nombor pendaftaran syarikat adalah keterangan mencukupi sebagai nama dan butir-butir syarikat.

(2) Yang Dipertua boleh, dalam sesuatu hal di mana jika berlaku suatu perlanggaran terhadap Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan ke atas sesuatu lesen, membatalkan atau menggantung lesen itu selama mana tempoh mengikut budi bicara yang difikirkan patut.

Tempoh kuat kuasa lesen

8. (1) Suatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari satu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(2) Walau apapun di dalam Undang-Undang Kecil ini, Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen yang sah berkuat kuasa selama tempoh tidak lebih dari tiga puluh enam bulan dari tarikh kuat kuasa lesen berkenaan.

(3) Yang Dipertua boleh tanpa memberi apa-apa sebab enggan memberikan atau membaharui sesuatu lesen.

Penternakan haiwan tanpa lesen

9. Mana-mana orang menggunakan sesuatu tempat di dalam kawasan Majlis atau membenarkan tempat tersebut digunakan bagi maksud memelihara haiwan tanpa suatu lesen adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Penandaan haiwan

10. (1) Setiap haiwan yang dipelihara di dalam kawasan Majlis perlu di tandakan dengan apa jua cara yang ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi tujuan pengenalan pemilik dan penentuan milikan ke atas haiwan tersebut.

(2) Mana-mana haiwan yang tidak memiliki tanda pengenalan pemilik atau penentuan milikan adalah dianggap sebagai haiwan yang tiada pemilik dan boleh dilupuskan oleh pihak Majlis dengan apa jua cara yang difikirkan sesuai.

(3) Tiada orang yang berhak selepas itu untuk mengakui atau menuntut milikan ke atas haiwan yang tidak memiliki sebarang tanda pengenalan dan tiada tuntutan boleh dibuat terhadap Majlis berkenaan sebarang kerugian yang dialami oleh mana-mana orang dengan pelupusan haiwan tersebut.

(4) Peruntukan perenggan (1), (2) dan (3) tidak terpakai ke atas haiwan ternakan yang terdiri daripada burung, unggas dan ikan.

(5) Pemunya atau pemegang lesen yang tidak menandakan haiwan-haiwan ternakan dengan tanda milikan yang ditetapkan di bawah perenggan (1) adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Haiwan merayau

11. (1) Pemunya atau pemegang lesen yang membiarkan haiwan ternakan merayau-rayau di dalam kawasan Majlis adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana haiwan yang didapati merayau-rayau di dalam kawasan Majlis boleh ditangkap dengan apa jua cara oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa khas oleh Yang Dipertua dan hendaklah dengan serta-merta dibawa ke suatu tempat simpanan atau paun yang ditentukan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana lokasi lain yang ditentukan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha.

(3) Tiada pampasan kena dibayar bagi mana-mana haiwan yang disembelih atau ditangkap atau tercedera atau dilupuskan di bawah perenggan (2).

Kuasa untuk mengkompaun

12. (1) Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh menawar atau membenarkan untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan undang-undang kecil 3, 9, 10 dan 11 dengan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit (RM250.00) dengan memberi notis seperti dalam Borang 3 Jadual Pertama.

(2) Mana-mana haiwan yang ditangkap dan ditahan boleh didapatkan kembali oleh pemiliknya dengan membayar kos tuntutan semula tidak kurang daripada satu ribu ringgit (RM1000.00) untuk seekor dan bagi tiap-tiap hari selepas itu atau sebahagian daripadanya kos simpanan sebanyak satu ratus ringgit (RM100.00) bagi seekor haiwan.

Kesalahan berulang

13. Jika haiwan itu ditangkap atau ditahan kemudian dari itu maka kos simpanan yang kena dibayar akan dinaikkan kepada dua ratus ringgit (RM200.00) bagi setiap hari berikutnya atau sebahagian daripadanya bagi seekor haiwan tertakluk kepada fi maksimum sebanyak satu ribu lima ratus ringgit (RM1500.00).

Haiwan tidak dituntut

14. Jika haiwan yang ditangkap atau ditahan di bawah perenggan 11(2) tersebut tidak dituntut oleh pemiliknya di dalam tempoh tiga hari dari tarikh tangkapan dibuat, atau pemiliknya tidak dapat dikesan, maka Majlis berhak untuk melupuskan haiwan tersebut dengan apa jua cara yang difikirkan sesuai.

Tiada tanggungan terhadap Majlis atau Pegawai Majlis

15. Tiada apa-apa tanggungan boleh dikenakan terhadap Majlis atau mana-mana pegawai atau orang kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku akibat daripada perjalanan kuasa dan tanggungjawab yang sah di bawah Undang-Undang Kecil ini dan Majlis atau mana-mana pegawai atau orang tidak boleh dikenakan apa-apa jua tindakan, tanggungan atau tuntutan apa jua pun yang berbangkit daripada perjalanan kuasa dan tanggungjawab yang sah tersebut.

Menghalang Pegawai Majlis menjalankan tugas

16. Mana-mana orang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang yang menghalang, mengganggu, mengacau, menyerang atau membenarkan menghalang, mengganggu, mengacau atau menyerang mana-mana Pegawai Majlis yang menjalankan tugas di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit (RM2000.00) atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Penalti am

17. Seseorang yang bersalah terhadap suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit (RM2000.00) atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemansuhan

18. (1) Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kerian) 1984 [Pk. PU.70 tahun 1984] adalah dimansuhkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dikeluarkan terdahulu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini sehinggalah ianya terbatal atau dibatalkan.

JADUAL PERTAMA**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN HAIWAN TERNAKAN
DAN HAIWAN MERAYAU
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2012****BORANG 1****PERMOHONAN LESEN****[perenggan 6 (1)]**

Saya/ Kami* dengan ini memohon suatu lesen untuk menggunakan tempat yang tersebut di bawah ini sebagai kandang haiwan ternakan dan saya/ kami* sanggup mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kerian) 2012 serta apa-apa terma dan syarat lain yang ditetapkan atau dikenakan oleh Yang Dipertua.

(a) Maklumat mengenai pemohon:

- (i) Nama Penuh/ Nama Syarikat
(DENGAN HURUF BESAR)
- (ii) No. Kad Pengenalan / Nombor Syarikat
- (iii) Alamat berdaftar
.....
- (iv) Alamat surat menyurat/Alamat perniagaan
.....
- (v) No. Tel
- (vi) No. Faks
- (vii) Email

(b) Maklumat mengenai tanah dan premis yang berkenaan dengannya lesen dimohon:

- (i) Bil. Lot
- (ii) Bil. Premis
- (iii) No. PN/Lot/ HSM
- (iv) Syarat guna tanah
- (v) Keluasan tanah
- (vi) Pemilik berdaftar
- (sila gunakan lampiran jika lebih dari satu tanah atau premis yang terlibat)

(c) Bilangan haiwan ternakan yang hendak dipelihara ekor.

(d) Sila kemukakan dokumen-dokumen berikut:

Tandakan (✓)

Pemohon	Pegawai
	Penyemak

(i) Salinan geran tanah yang diperakui sah

(ii) Salinan kad pengenalan pemohon yang diperakui sah

(iii) Salinan cukai taksiran yang terkini dan diperakui sah

(iv) Salinan cukai tanah yang terkini dan diperakui sah

(v) Salinan perjanjian sewaan
(sekiranya tanah disewa oleh pemohon)

(iv) Satu pelan tapak binaan yang diluluskan oleh Majlis

Tarikh

.....

Tandatangan Pemohon/ Cop Syarikat

Tarikh

*Tandatangan Pegawai Penyemak/
Cop Rasmi Jabatan*

(*) Potong mana yang tidak berkenaan

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN HAIWAN TERNAKAN
DAN HAIWAN MERAYAU
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2012**

BORANG 2

LESEN MEMELIHARA HAIWAN TERNAKAN

[perenggan 3 (2)]

Bil. Lesen

Adalah dengan ini dibenarkan bahawa premis yang butir-butir mengenainya seperti berikut, dilesenkan tertakluk kepada terma dan syarat Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kerian) 2012.

Nama penuh pemunya
(DENGAN HURUF BESAR)

No. Kad Pengenalan / Nombor Syarikat

Alamat berdaftar

Alamat surat menyurat

Maklumat mengenai tanah dan premis yang berkenaan dengannya lesen dipohon:

Bil. Lot

Bil. Premis

No. PN/Lot/ HSM

Syarat guna tanah

Keluasan tanah

Pemilik berdaftar

(Silakan gunakan lampiran jika lebih dari satu tanah atau premis yang termuat)

Bilangan dan jenis halwan yang dibenarkan dipelihara

*Mana-mana haiwan didapati berada di luar kawasan premis berlesen boleh ditangkap dan ditahan oleh pihak Majlis.

Lesen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tambahan yang berikut (jika ada):

- (a)
- (b)
- (c)

Tarikh dikeluarkan

Fi RM

Lesen ini akan tamat tempoh pada

*Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian*

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN HAIWAN TERNAKAN
DAN HAIWAN MERAYAU
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2012

BORANG 3

TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

[undang-undang kecil 12]

Tuan,

Suatu laporan telah dibuat terhadap anda sebagai pemunya haiwan/pemegang lesen bagi premis berlesen menyatakan kesalahan berikut di bawah undang-undang kecil 3, 9, 10 dan 11 Undang-undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kerian) 2012.

Tarikh Masa pagi/ petang

Tempat

Kesalahan.....

Anda adalah dengan ini dimaklumkan bahawa di bawah kuasa yang terletak pada saya oleh undang-undang kecil 12 Undang-undang Kecil tersebut, saya bersedia mengkompaun kesalahan ini sebanyak RM(Ringgit Malaysia).

Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat secara wang tunai atau kiriman wang atau wang pos ke pejabat yang tersebut di atas dan suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

Tawaran mengkompaun ini berkuat kuasa selama empat belas (14) hari dari tarikh pengeluaran notis ini.

.....
*Yang DiPertua/
Setiausaha atau
Pegawai Yang Diberi Kuasa*

JADUAL KEDUA

FI LESEN

[undang-undang kecil 4]

Bagi suatu premis berlesen untuk memelihara—

				Fi tahunan atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Lembu/ Kerbau/ Kuda:			
	(a) tidak melebihi 20 ekor	500.00
	(b) 21 – 50 ekor	1000.00
	(c) melebihi 50 ekor	2000.00
2.	Kambing/ Kambing Biri-Biri/Babi:			
	(a) tidak melebihi 50 ekor	250.00
	(b) 51 – 150 ekor	500.00
	(c) Melebihi 150 ekor	1000.00
3.	Lain-lain binatang ternakan:			
	(a) tidak melebihi 50 ekor	100.00
	(b) 51 – 500 ekor	250.00
	(c) melebihi 500 ekor	500.00

Diperbuat 13 Disember 2011.
 [M.D.Kerian L/106; PU.PK. 36/76 (Jilid II)]

KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR
*Yang DiPertua
 Majlis Daerah Kerian*

Disahkan 22 Disember 2011.
 [PU. Pk. 36/76 (Jilid II)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
*Setiausaha
 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
 Perak Darul Ridzuan*